
JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA
PENANG LAWAN COVID-19

16 - 31 MEI, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Amanah berat, memacu kemajuan lebih cemerlang - Tun Ahmad Fuzi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR, AHMAD ADIL MUHAMAD & CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN** - Upacara penyerahan tugas Tun Datuk Seri Utama Dr. Abdul Rahman Abbas kepada Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kelapan, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak dekat Seri Mutiara berlangsung dengan penuh istiadat pada 1 Mei lalu.

Sebelum itu, Ahmad Fuzi mengangkat sumpah sebagai TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kelapan dekat Dewan Sri Pinang.

Ahmad Fuzi semasa berucap di Seri Mutiara menzahirkan penghargaan kepada Abdul Rahman yang telah berkhidmat sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 20 tahun.

Selain itu, Ahmad Fuzi yang juga bekas diplomat turut menzahirkan rasa berat dengan amanah serta tanggungjawab yang bakal digalas sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang baharu, yang ditaklifkan oleh Yang Dipertuan Agong.

"Saya menyedari dan insaf betapa beratnya tanggungjawab jawatan ini untuk dipikul bagi meneruskan perjalanan serta memacu kemajuan negeri Pulau Pinang ke arah yang lebih cemerlang.

"Justeru, saya menyeru semua pihak (iaitu) pentadbiran Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) dan Kerajaan Persekutuan untuk saling berganding bahu bagi membantu saya menjalankan tugas sebagai 'ketua' negeri ini," jelasnya dalam nada sederhana dekat Anjung Mutiara di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Exco-Exco Kerajaan Negeri dan Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor turut menyertai majlis tersebut.

Seusai Ahmad Fuzi menyempurnakan acara penyampaian ucapan, beliau menerima mohor serahan tugas daripada Abdul Rahman.

Sebelum itu, Abdul Rahman ketika berucap menyatakan rasa syukur dan berterima kasih atas kerjasama padu yang diberikan kepada beliau sepanjang tempoh perkhidmatan.

"Selama 20 tahun, saya berkhidmat bersama-sama tiga Ketua Menteri iaitu Yang Berhormat Lim Guan Eng, Yang Berhormat (Tan Sri Dr.) Koh Tsu Koon dan Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri serta para pegawai yang menumpahkan khidmat kepada saya selama menjadi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang sebelum ini.

Selepas itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyampaikan cenderamata berupa surat penghargaan mewakili Kerajaan Negeri dalam bingkai keemasan kepada Abdul Rahman.

Ahmad Fuzi dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang berkuat kuasa 1 Mei 2021 bagi tempoh empat tahun.



**KETUA Menteri menyerahkan cenderamata berupa surat penghargaan mewakili Kerajaan Negeri kepada Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) sambil disaksikan oleh Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak (dua dari kanan) di Anjung Mutiara dekat sini baru-baru ini.**



**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Noor pada majlis angkat sumpah di Dewan Sri Pinang.**




**RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

# Kejuruteraan aeroangkasa, cipta peluang kerjaya berkualiti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Agensi negeri, Perbadanan Digital Pulau Pinang, firma AngkasaX dan Universiti Sains Malaysia (USM) akan saling bekerjasama dalam mewujudkan kursus kejuruteraan bidang aeroangkasa dan satelit dengan penglibatan pelajar, ahli akademik serta profesional bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja berbakat di negeri ini.

Semasa menyaksikan acara memeterai perjanjian persefahaman (MoU) ketiga-tiga pihak berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek perintis yang selari dengan Visi Penang2030 tersebut turut mencipta lebih banyak peluang kerjaya berkualiti kelak.

"Pulau Pinang dipilih kerana ekosistem industri pembuatan yang begitu berpengalaman, mempunyai buruh mahir bidang kejuruteraan yang berbakat serta disokong oleh pihak universiti dengan hasil penyelidikan yang relevan.

"Dasar perindustrian Pulau Pinang akan terus menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi yang terus berkembang pesat supaya ia kekal relevan dengan beralih ke sektor yang ada nilai tambah tinggi.

"Fokus utama kami (Pulau Pinang) adalah akan terus menarik, memperkembang dan mengekalkan (tenaga kerja) berbakat kami terutama dalam bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik)," ucapnya dalam majlis berkaitan di sini pada 20 April 2021.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari serta Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain turut sertai acara tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa kerjasama ketiga-tiga pihak berkenaan akan melibatkan tiga fasa yang mana fasa pertama adalah usaha mewujudkan kursus kejuruteraan aeroangkasa serta satelit oleh pihak USM.

Fasa kedua pula, menurut beliau, adalah mendirikan makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) di USM dengan tujuan mempercepatkan proses pemindahan teknologi dari luar negara ke negeri ini.



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan sejurus majlis pemeteraian MoU antara tiga pihak dalam mewujudkan kursus kejuruteraan bidang aeroangkasa dan satelit di sini baru-baru ini.

Sementara, fasa ketiga dan terakhir, ulas Kon Yeow adalah kerja-kerja mengembangkan ekosistem Pulau Pinang dengan mewujudkan 'taman teknologi angkasa lepas' di negeri ini serta melibatkan pemain-pemain utama dalam sektor berkaitan.

"Dengan wujudnya sekolah aeroangkasa di USM iaitu salah sebuah universiti awam berkaitan bidang sains dan teknologi yang terkemuka di negara ini ia melengkapkan perkongsian tiga pihak antara peneraju industri, ahli akademik serta kerajaan dalam proses mempromosi pengembangan bakat (tenaga kerja berkemahiran tinggi) dan pertumbuhan ekonomi," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

# BNM, wujudkan kaedah inovatif bantu pembeli rumah pertama

**SUNGAI BAKAP** – Bank Negara Malaysia (BNM) digesa supaya mewujudkan satu kaedah lebih inovatif untuk membantu mendapatkan pinjaman perumahan terutamanya pembeli rumah pertama.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa isu pembiayaan dan pinjaman untuk pembeli rumah pertama telah berlarutan sekian lama, justeru BNM selaku bank pusat perlu wujudkan satu dasar untuk membantu pembeli kategori (rumah pertama) ini.

"BNM perlu menangani isu penolakan pinjaman perumahan pertama yang semakin tinggi sekarang.

"Bank tidak boleh sama ratakan pembeli rumah mampu milik (RMM) dengan pembeli yang sudahpun mempunyai rumah mewah… kerana apabila kita masuk (permohonan pinjaman) ke bank kini ia adalah tidak ada perbezaan untuk kedua-dua kategori pemohon ini, itu tidak masuk akal.

"Oleh itu, untuk menangani isu ini, kita (Kerajaan Negeri) akan terus mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan terutamanya BNM," tegasnya ketika mengadakan lawatan ke tapak pembinaan Projek Taman Sejahtera dekat Seberang Perai Selatan (SPS) di sini 1 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah dan Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi.

Bagi mengatasi isu penolakan pinjaman rumah pertama, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak setahun lalu telah memperkenalkan kaedah sewa beli khusus untuk membantu golongan yang tercicir mendapatkan pinjaman ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mempertingkatkan penjualan rumah melalui kaedah sewa beli yang mana Kerajaan Negeri telah bersetuju agar 10 peratus daripada 220,000 pembinaan RMM yang disasarkan menjelang tahun 2030 akan dijual secara sewa beli.

"Daripada sasaran 22,000 secara sewa beli tersebut, sekarang sebanyak 2,474 unit telah dikenal pasti, dan saya begitu komited kita mampu mencapai sasaran (22,000) ini," ulasnya.

Projek Taman Sejahtera yang dijangka menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dalam masa terdekat merupakan skim sewa beli bertanah berharga RM72,500 dengan keluasan 700 kaki persegi (kp).

Menurut Jagdeep, terdapat 41 unit keseluruhannya iaitu 26 unit telah diberikan tawaran, manakala bakinya (15 unit) akan ditawarkan kepada mereka yang layak.

"Pembeli hanya perlu membayar RM300 sebulan untuk tempoh masa 20 tahun, dan untuk jangka masa tertentu (pembeli) dapat menjadi pemilik rumah ini,'' ujarnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# AL-ITQAN lahir modal insan kelas pertama

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BAYAN LEPAS -** Projek pembinaan Pusat Pendidikan Al-Itqan (AL-ITQAN) baharu di atas tanah wakaf dekat Kampung Masjid, Teluk Kumbar bakal memberi nilai tambah kepada masyarakat Islam di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebagai sebuah kerajaan yang sememangnya mementingkan aspek pendidikan bagi melahirkan modal insan kelas pertama, isu ini sememangnya sentiasa dekat dan mendapat perhatian sewajarnya daripada Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri akan terus memainkan peranan dalam memastikan segala bentuk kemudahan ini dapat disediakan bagi membolehkan akses pendidikan dapat dicapai sama rata tanpa mengira bangsa dan agama.

"Justeru, diharap semua pihak yang terlibat akan memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut garis dan tempoh masa ditetapkan tanpa ada sebarang penangguhan lagi memandangkan permintaan serta tuntutan masyarakat kepada sekolah agama ini adalah sangat menggalakkan.

"Diharap dengan siapnya bangunan ini kelak, ia dapat memberikan keselesaan kepada para guru dan pelajar, malah juga membantu Jemaah Pengurusan Sekolah dalam merangka serta merancang strategi untuk meningkatkan prestasi pendidikan sekali gus sebagai nilai tambah kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Permulaan Kerja Projek Pembinaan AL-ITQAN di sini 24 April lalu.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan jemputan khas menyempurnakan gimik Majlis Permulaan Kerja Projek Pembinaan AL-ITQAN di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Muhammad Bakhtiar Wan Chik (Ahli Parlimen Balik Pulau); Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat merangkap Pengasas AL-ITQAN); Mohd. Zakuan Zakaria (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP); Tan Sri Alex Ooi Kee Liang (Pengarah Kumpulan IDEAL Property) dan Prof. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Aziz (Pengerusi Jemaah AL-ITQAN).

Projek di atas tanah wakaf seluas tiga ekar tersebut merangkumi empat blok bangunan yang terdiri daripada 51 bilik darjah kondusif serta makmal sains (4). Ia dijangka siap pada penghujung tahun 2022 dan beroperasi sepenuhnya awal tahun 2023.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa pembinaan AL-ITQAN akan dibangunkan oleh *IDEAL Property* dengan kos RM15 juta bagi memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri sejak 10 tahun lalu telah mengenakan syarat pembangunan kepada pihak pemaju demi memenuhi keperluan pendidikan di negeri ini.

"Pembinaan sekolah ini adalah syarat yang dikenakan kepada *IDEAL Property* dalam satu permohonan pembangunan rumah PRIMA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) di Daerah Timur Laut (DTL).

"Kelewatan yang berlaku sebelum ini adalah disebabkan proses permohonan, perancangan serta kelulusan pembangunan rumah PRIMA yang diikat bersama dengan pembangunan sekolah tersebut.

"Memandangkan pihak *IDEAL Property* sudah mendapat kelulusan pada hujung tahun lalu (2020), maka projek PRIMA tersebut telahpun mula serta pembangunan sekolah ini pun bermula serentak, dan kedua-dua projek (PRIMA dan AL-ITQAN) ini seharusnya siap dalam tempoh masa yang sama sebagai tunai syarat," ulasnya.

Sebagai rekod, AL-ITQAN merupakan sebuah rangkaian terbesar pendidikan aliran agama yang mengurus serta mengelola empat buah institusi di bawahnya bermula peringkat taska hingga menengah.

## Naik taraf jalan alternatif harap trafik lancar, tingkat keselamatan

**BERTAM -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membelanjakan RM89,000 untuk kerja-kerja penaiktarafan dan pelebaran jalan alternatif sepanjang 200 meter(m) yang menghubungkan *Bertam Walk* ke Pongsu Seribu.

Bercakap kepada pemberita, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pihaknya berharap projek penaiktarafan 'jalan kampung' yang telah siap itu dapat melancarkan lagi aliran trafik kenderaan serta meningkatkan tahap keselamatan pengguna terutama pada waktu puncak.



**JAJARAN jalan alternatif sepanjang 200m menghubungkan Bertam Walk ke Pongsu Seribu yang siap dinaik taraf serta dilebarkan di sini.**

Selain itu, beliau turut meminta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud supaya membuat kajian lanjut mengenai kaedah memperbaiki jajaran jalan alternatif tersebut mengikut spesifikasi standard jalan raya untuk laluan dua hala, termasuk pelan pengambilan tanah di kawasan persendirian berkaitan.

"Keluasan jalan yang dilebarkan ini baru 20 kaki, sepatutnya 40 kaki ikut piawaian jalan standard (untuk laluan dua hala).

"Walaupun 'jalan kampung' ini baru dilebarkan, saya nampak perlu ditambah baik lagi.

"Justeru, kita (Pejabat Ketua Menteri) menunggu laporan kajian oleh MBSP, sejauh mana kita boleh lakukan dalam tempoh terdekat," jelasnya selepas meninjau sendiri projek penaiktarafan jalan alternatif tersebut dekat Taman Rupawan di sini pada 24 April 2021.

Selain Rozali, turut serta adalah Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong; Lay Hock Peng (Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri) dan Muhamad Hafidzuddin Mohd. Ridowan (Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa pihaknya berharap MBSP dapat mengemukakan laporan berkaitan dalam tahun ini juga, supaya suatu peruntukan dapat diwujudkan dalam belanjawan Kerajaan Negeri bagi tahun 2022.

"Pengalaman kita (Kerajaan Negeri), selalunya kos naik taraf struktur jalan raya adalah mengikut kadar kebiasaan yang ada.

"Tetapi, kos yang begitu mahal mengakibatkan proses pengambilan balik tanah (untuk tujuan pelebaran jalan raya sedia ada)," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Muhamad Hafidzuddin menyatakan bahawa Pejabat Daerah dan Tanah SPU diarah melaksanakan projek penaiktarafan tersebut susulan isu berkaitan beberapa kali dibangkitkan dalam sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

## Tingkatkan pendidikan CPR, guna AED peringkat komuniti

**SUNGAI PINANG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta pemimpin tempatan supaya terus melaksanakan program pendidikan asas bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dengan penggunaan *Automated External Defribillator* (AED) di Pulau Pinang.

Semasa berucap, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim di atas sumbangan RM15,000 untuk pemasangan dua unit baharu AED demi memenuhi keperluan penduduk setempat.

"Sejak dilancarkan pada tahun 2015, sebanyak 66 mesin AED telah dipasang dan ditempatkan di tempat-tempat awam terpilih dan sehingga kini alat ini telah membantu menyelamatkan empat nyawa.

"(Pun begitu,) jangan terlalu mengharapkan pemasangan AED sebab ia tidak akan dipasang di setiap inci tempat, (sebaliknya) langkah terbaik adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat untuk mencegah (risiko) serangan jantung," jelasnya pada penganjuran Majlis Pelancaran Alat AED dekat Taman Bukit Dumbar di sini 17 April 2021.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap ADUN Pengkalan Kota turut menjelaskan bahawa secara umum kira-kira 40 peratus kes serangan jantung adalah berpunca daripada paras kolestrol yang tinggi dalam badan, sementara sebab-sebab lain antaranya adalah tekanan hidup.

Berucap sebelum itu, Siew Khim memberitahu bahawa satu unit AED dipasang di Taman Bukit Dumbar, sementara satu unit lain akan diserahkan kepada Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) di bawah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Pinang.

Turut berucap, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa; wakil-wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) turut hadir.

Serentak itu, turut dilangsungkan sketsa dan demonstrasi pelaksanaan CPR serta penggunaan AED yang dipimpin oleh anggota APM terlatih.

# Program imunisasi harap tingkat keyakinan rakyat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PULAU BETONG –** Rata-rata warga emas yang menerima suntikan vaksin menyatakan keyakinan dan kegembiraan masing-masing ekoran menjadi antara penerima awal pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Fasa 2 peringkat negeri pada 19 April lalu.

Bagi **CHIN FUNG CHEE**, 82, orang ramai tidak perlu bimbang atau takut untuk menerima suntikan vaksin COVID-19 kerana ia adalah sangat mustahak sebagai pelindung diri.

"Tidak payah takut, apa yang kerajaan minta buat kita (rakyat) ikutlah kerana saya tidak rasa seruan kerajaan untuk rakyat menerima suntikan vaksin adalah sesuatu yang tidak bagus, sebaliknya ia adalah untuk melindungi kita," ujarnya yang hadir ditemani anak lelakinya, **CHIN YIN LOON**, 50, di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Daerah Barat Daya (DBD) dekat Kompleks Sukan Balik Pulau di sini.

Bagi Yin Loon yang merupakan seorang petugas barisan hadapan di sektor kesihatan dan telahpun menerima suntikan vaksin berkenaan berkata, kebanyakan rakyat menjadi takut sebab dimomokkan dengan berita palsu.

"Berita palsu ini perlu ditapis dan tindakan Ketua Menteri yang sentiasa turun padang serta menyokong rakyat dalam apa jua aktiviti adalah langkah tepat agar rakyat lebih faham bahawa vaksin ini adalah tidak berbahaya," ulasnya.

**LATIFAH ABDULLAH**, 82, yang juga antara 296 penerima vaksin tidak menafikan bahawa pada peringkat permulaan timbul juga perasaan takut, namun dengan penjelasan yang menyeluruh ia telah membuatkan beliau yakin.

"Mula-mula tak nak ambil, takut juga sebab kita tidak tahu vaksin itu macam mana, beri kesan apa tapi bila ada penjelasan oleh anak, oklah setuju saja dan dia pun daftarkan makcik," ujarnya.

Manakala, **WONG PEH HOE**, 82, mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana hadir memberikan semangat buat warga emas yang hadir menerima vaksin.

"Jangan takut sebab vaksin ini dapat lindungi diri kita dan keluarga… terima kasih Ketua Menteri datang bagi sokongan kepada kami," jelasnya teruja.

Difahamkan bahawa PPV Kompleks Sukan Balik Pulau mampu memberikan suntikan kepada 600 penerima vaksin setiap hari yang mana pada hari berkaitan, seramai 320 warga emas berusia antara 69 hingga 94 tahun telah diberikan temu janji, namun hanya 296 yang bersetuju untuk hadir serta menerima suntikan.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Mohd. Hafiz Aswad Nadzri (Pegawai Daerah Barat Daya, DBD); Nazrul Fazami Mohamad (Pengarah Keselamatan Negeri Majlis Keselamatan Negara Negeri Pulau Pinang) dan Dr. Fazilah Mydin (Pegawai Kesihatan Daerah) hadir ke Kompleks Sukan Balik Pulau bagi memantau perjalanan operasi hari kedua PPV berkaitan.

Kon Yeow ketika ditemui menzahirkan harapan agar pemberian vaksin Fasa 2 tersebut berjalan lancar dan dapat meningkatkan keyakinan rakyat.

"Semoga rakyat dapat melihat keikhlasan program imunisasi ini yang mana semua petugas (kesihatan) tampil dengan semangat untuk membantu rakyat mendapatkan suntikan vaksin.

"Di Pulau Pinang, kadar pendaftaran masih berjalan seperti biasa, dan semoga Fasa 2 ini akan memberikan kesedaran awam yang lebih tinggi untuk semua mendaftar.

"Di samping itu, segala maklum balas yang diterima pada program Fasa 2 ini akan diperhalusi serta digunakan oleh Jawatankuasa COVID-19 Kebangsaan bagi melihat langkah yang sewajarnya untuk mencapai sasaran dan seterusnya membentuk imuniti kelompok," ulasnya.

Sejurus itu, Kon Yeow turut meluangkan masa berkunjung dan menyantuni para penerima vaksin di PPV Dewan Serbaguna Jawi di Seberang Perai Selatan (SPS). Berdasarkan rekod seramai 690 penerima divaksin pada hari tersebut.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Marlia Mohd. Belia.




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penerima vaksin bersempena lawatan khas ke PPV Dewan Serbaguna Jawi di sini baru-baru ini.**



**LATIFAH Abdullah.**




**WONG Peh Hoe.**

## Kompleks Mutiara Selera Tanjung Bungah berelemen GBI

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3.49 juta bagi membangunkan semula Kompleks Mutiara Selera Tanjong Bungah dengan berelemenkan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Perkara tersebut diumumkan Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari pada sidang media di sini 27 April lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Tan Hooi Peng dan wakil Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

Zairil menyatakan bahawa pembangunan semula astaka tersebut bukan sahaja bakal menjadi yang pertama di Pulau Pinang bertaraf GBI, malah reka bentuknya juga adalah lebih kondusif dan mesra orang kurang upaya (OKU).

"Ia lebih mesra OKU dan orang tua berbanding astaka dahulu yang tinggi, bertingkat dan tertutup.

"Astaka ini bakal mempunyai 40 gerai dengan keluasan 120sqft berbanding 33 gerai (penggerai sedia ada) dan boleh menempatkan sehingga 260 pengunjung pada satu masa. Maka, bolehlah gerai-gerai kecil yang berada di tepi jalan memohon masuk ke sini supaya tidak menghalang laluan trafik," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

Difahamkan, Kompleks Mutiara Selera berkaitan bakal dilengkapi dengan ciri-ciri lebih terkini dan praktikal seperti bumbung penuaian air hujan, pencahayaan serta pengudaraan semula jadi, surau dan pejabat.

Sebagai rekod, Kompleks Mutiara Selera Tanjung Bungah telah hangus dalam kebakaran November tahun lalu.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa pembangunan semula astaka berkenaan kini di peringkat proses penyediaan tender oleh CMI Pulau Pinang.

"Pelawaan tender terbuka akan dilaksanakan melalui sistem e-perolehan, untuk itu, Kerajaan Negeri juga telah melantik CMI sebagai agensi pelaksana bagi astaka berkenaan apabila siap kelak.

"Kerja-kerja pembangunan semula dijangka bermula pada bulan Julai 2020 dan mengambil masa kira-kira enam bulan untuk disiapkan. Adalah diharapkan astaka tersebut dapat disiapkan pada hujung tahun ini dan dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun berikutnya," ulas beliau.



**ZAIRIL Khir Johari (bertali leher hijau) dan Tan Hooi Peng (kiri sekali) menunjukkan ilustrasi grafik Kompleks Mutiara Selera Tanjong Bungah yang bakal dibangunkan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# *Penang Junior Coaches*, bidang kejurulatihan sebagai landasan kerjaya atlet

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Seramai 16 atlet sukan negeri menerima bantuan biasiswa menerusi program *Penang Athlete Career Education* (PACE) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan jumlah peruntukan sejumlah RM66,100.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa para penerima merupakan kumpulan pertama yang akan menerima bantuan berkenaan memandangkan program berkaitan baru dilancarkan pada tahun ini.

"Dalam usaha untuk membina landasan kerjaya yang progresif untuk atlet negeri, suka untuk saya umumkan bahawa satu program baru di bawah PACE turut akan diperkenalkan iaitu *Penang Junior Coaches* dengan tujuan untuk memperkenalkan diri mereka dalam bidang kejurulatihan sebagai suatu landasan kerjaya di sekolah-sekolah rendah pada peringkat permulaan program ini," jelasnya dalam Majlis Penyerahan Insentif Pendidikan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Biasiswa Sukan MSNPP di sini pada 26 April 2021.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Pengarah Eksekutif Penang FC Sdn. Bhd., Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga ADUN Sungai Bakap; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Mozakir Buyong Mokhtar dan Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua.

Selain itu, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa kaji selidik MSNPP mendapati 145 sekolah rendah telah memberi maklum balas berkaitan program baharu *Penang Junior Coaches* dan daripada jumlah itu, sebanyak 81 sekolah rendah telahpun memohon bantuan kejurulatihan tersebut.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan atlet yang terpilih menerima bantuan biasiswa khas pada Majlis Penyerahan Insentif Pendidikan IPT dan Biasiswa Sukan MSNPP di sini baru-baru ini.**

"Selain daripada kedua-dua bantuan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui program PACE juga akan menyokong penuh usaha untuk mewujudkan Bantuan Skim Kebajikan Atlet Negeri (SKAN) khas untuk menjaga kebajikan atlet-atlet negeri melalui inisiatif Bantuan Khairat Kematian, Bantuan Rawatan Penyakit, Bantuan Kos Pembedahan serta Bantuan Bencana Alam secara *'one-off'*," ulasnya.

Tambah Kon Yeow, pada 18 Disember tahun lepas, seramai enam atlet negeri terpilih sebagai perintis bagi menerima Bantuan Pendidikan di bawah PACE.

Angka penerima bantuan pendidikan semasa itu, kata beliau, menjadi jumlah atlet yang memohon serta berjaya memperoleh bantuan berkaitan meningkat seramai 24 orang merangkumi atlet sukan skuasy, *floorball*, kenu, hoki, olahraga, bola jaring, tenping boling, silat, sepak takraw dan karate dengan keseluruhan insentif berjumlah RM22,200.

"Saya amat yakin dan percaya angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

## Usul pindaan RUU bolehkan belia 18 tahun mengundi, calon pilihan raya

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang dijangka bakal mengusulkan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang untuk menurunkan had umur warganegara yang layak daripada 21 kepada 18 tahun untuk mengundi dan menjadi calon Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

RUU itu yang bertujuan untuk meminda Perkara 12 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dijangka akan dibentangkan oleh Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang akan datang.

Lip Chee berkata, pindaan RUU tersebut dibuat selaras dengan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang diluluskan di peringkat Parlimen pada 16 Julai 2019.

"Pindaan ini memerlukan sokongan padu semua ADUN dan juga masyarakat, ketetapan yang akan dibuat nanti menunjukkan betapa Kerajaan Negeri komited dan beriltizam untuk memberi peluang kepada golongan pemuda-pemudi yang berumur tidak kurang 18 tahun untuk menjadi pemilih dan calon pilihan raya.

"Keputusan yang akan dibuat ini bakal memberikan kesan yang sangat signifikan kepada negeri Pulau Pinang dengan penglibatan tenaga serta idea golongan muda dalam mendemokrasikan negeri, sekali gus membentuk masa depan negara," ujarnya ketika sesi wawancara khas bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Turut menyertai sesi wawancara tersebut, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Dr. Gwee Sai Ling.

Mengulas lanjut mengenai penurunan had usia tersebut kepada golongan muda yang berumur 18 tahun, Lip Chee tidak menyangkal kebimbingan sesetengah pihak terhadap aspek kematangan calon muda kelak.

"Kerajaan perlu ada satu mekanisme yang membolehkan mereka diberi peluang untuk matang dengan lebih cepat agar apabila dipilih sebagai calon, mereka ini dapat memberikan sumbangan, idea dan sebagainya kepada masyarakat.

"Di Pulau Pinang, melalui PYDC, kita menjadi Kerajaan Negeri pertama yang menganjurkan Sidang Muda pada tahun 2015 yang mana persidangan ini adalah persediaan langsung golongan muda untuk berkecimpung dalam arena politik.

"Malah, persidangan ini telah melahirkan beberapa calon ahli politik atau ADUN seperti ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; A. Kumerasan (ADUN Batu Uban); Lee Chun Kit (ADUN Pulau Tikus) dan M. Satees (ADUN Bagan Dalam).

"Bagi pihak kerajaan sendiri, seharusnya telah mula melaksanakan program-program pendidikan terutamanya untuk pelajar sekolah menengah yang berusia 15 sehingga 17 tahun agar mereka didedahkan dengan perkara ini dan bersedia apabila memasuki usia 18 tahun kelak," maklumnya.

Serentak itu, Lip Chee turut memaklumkan bahawa pihaknya kini sedang giat menyiapkan draf RUU, manakala PYDC telah mula menjalankan Soal Selidik Pelaksanaan Pindaan Umur Calon ADUN Pulau Pinang sejak Disember 2020.

"Hasil dapatan daripada soal selidik ini akan kita bentang dan gunakan untuk menyokong pindaan tersebut nanti di DUN Pulau Pinang," maklum beliau yang juga ADUN Bagan Jermal.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa sekiranya perkara tersebut diluluskan, Pulau Pinang akan menjadi negeri ketujuh yang menurunkan had usia mengundi dan calon pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun selepas Sabah, Perlis, Perak, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Walau bagaimanapun, Pulau Pinang muncul sebagai negeri pertama dalam negara yang melaksanakan soal selidik bagi mendapatkan respons, pandangan serta cadangan terlebih dahulu sebelum dibentangkan di DUN.

"Sambutan terhadap soal selidik yang dijalankan agak memberangsangkan iaitu kira-kira 1,800 responden telah memberikan maklum balas mereka.

"Melalui soal selidik ini, ia akan memberikan satu gambaran ratio rawak sejauh manakah golongan muda berminat untuk menceburkan diri mereka dalam arena politik dan pembangunan negara kerana ada juga dalam kalangan mereka yang tidak minat langsung politik.




**SOON Lip Chee (kiri) dan Dr. Gwee Sai Ling (kanan) menunjukkan plakad 'Umur 18 Jadi Calon' sebagai salah satu pendekatan kempen berkaitan.**

"(Melaluinya) Kerajaan Negeri dapat mengetahui apakah hala tuju golongan ini, dan adakah mereka benar-benar komited untuk memimpin negara, malah mereka (golongan muda) yang berusia 35 tahun ke bawah bebas untuk menyatakan pandangan, cadangan, ataupun sebarang kritikan… kita benar-benar ingin mendengar suara hati mereka sebelum perkara ini diluluskan," tambahnya sambil mengharapkan kerjasama para ADUN untuk menguar-uarkan soal selidik berkenaan di kawasan masing-masing bagi mencapai sasaran belia yang lebih ramai sebelum dibentangkan.

Terdahulu, difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Kerajaan Persekutuan telah menangguhkan pelaksanaan Undi-18 ke September 2022.

Namun, dalam perkembangan terkini pada 29 April 2021, Menteri di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan jaminan pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun sedang diusahakan dan ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Bagi tujuan itu, SPR akan mengambil langkah segera untuk menyelesaikan beberapa masalah berkaitan perundangan tertentu dan perkara teknikal berkaitan.

# INFO SUKAN

EDISI 5

**HUBUNGI KAMI**
**Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang**
Jalan Sultan Azlan Shah
Batu Uban, 11700 Gelugor, Pulau Pinang
Tel: 04-659 3713 / 659 3714 / 659 3715
Faks: 04-659 5996
Email: info.msnpp@gmail.com

| | |
|---|---|
| **PERSATUAN ANGKAT BERAT AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4099020<br>EMAIL: ramalingamretnam7@gmail.com | **PERSATUAN MEMANAH NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4155293<br>EMAIL: muhammadfitri4052@gmail.com |
| **PERSATUAN BADMINTON PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4774888 / 04-5080777<br>EMAIL: kwleong@rocketmail.com | **KELAB MENEMBAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4009333<br>EMAIL: info@kmpp.com.my |
| **PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4098110<br>EMAIL: encikmunir1965@gmail.com | **PERSATUAN MUAYTHAI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4177460<br>EMAIL: hookhing1206@gmail.com |
| **PERSATUAN BILIARD DAN SNUKER PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4032713<br>EMAIL: penangbnsa@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4628260<br>EMAIL: govind0101@hotmail.com |
| **PERSATUAN BINA BADAN PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4707882<br>EMAIL: bodysifu@gmail.com / shukri.sunworld@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA MASTERS PULAU PINANG (POMPP)**<br>NO TEL: 016-4628292<br>EMAIL: phpodim@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA BALING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-4334274<br>EMAIL: sitibalqiskhalid@gmail.com | **PERSEKUTUAN SILAT NEGERI PULAU PINANG (PESIPP)**<br>NO TEL: 017-4156724<br>EMAIL: zack_hassan@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA JARING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-5722830<br>EMAIL: eida_bern83@yahoo.com | **PERSATUAN PERAHU LAYAR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 011-55090078<br>EMAIL: roztaj@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA KERANJANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4486190<br>EMAIL: cwtan.hla@gmail.com | **PERSATUAN PETANQUE NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-5782090EMAIL: penque2010@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 04-2289454<br>EMAIL: fapenang1921@gmail.com | **PERSATUAN PING PONG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4316119<br>EMAIL: tkoon@amlextech.com |
| **PERSATUAN BOLA TAMPAR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4091387<br>EMAIL: pllian9999@gmail.com | **PERSATUAN RAGBI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-5643555<br>EMAIL: ahmad.yusri.mohd.yusoff@gmail.com |
| **PERSATUAN CATUR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4718273<br>EMAIL: tehinhooi@gmail.com | **PERSATUAN RENANG AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4354691<br>EMAIL: honsec.pasa@yahoo.com |
| **PERSATUAN SUKAN ELEKTRONIK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-7718346<br>EMAIL: muhdiqram.na@gmail.com | **PERSATUAN SEPAKTAKRAW PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-4211422<br>EMAIL: ismadibb@gmail.com |
| **PERSATUAN FLOORBALL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4140766<br>EMAIL: jychuah25@gmail.com | **PERSATUAN SILAMBAM PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4674448<br>EMAIL: silambampenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN GOLF PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-3140266<br>EMAIL: llchoo1962@yahoo.com | **PERSATUAN SQUASH PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4182032<br>EMAIL: psdanloh@gmail.com |
| **PERSATUAN HOKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4933314<br>EMAIL: jayanpsha1973@hotmail.com | **PERSATUAN SOFBOL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4793548<br>EMAIL: kennyteoh@hotmail.com |
| **MAJLIS JIMNASTIK AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4114896<br>EMAIL: ybchoo66@yahoo.com | **KELAB SUKAN MOTOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4777919<br>EMAIL: ccolin88@gmail.com |
| **PERSATUAN JUDO PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-7658867<br>EMAIL: chkkee2@gmail.com | **TAEKWONDO NEGERI PULAU PINANG (TM/WTF)**<br>NO TEL: 013-4848667<br>EMAIL: rajendran.rajoo@yahoo.com |
| **PERSATUAN KABADDI AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-5560294<br>EMAIL: shanker_7854@yahoo.com | **PERSATUAN TENPIN BOWLING PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4851775<br>EMAIL: cheahbc2233@gmail.com |
| **PERSEKUTUAN KARATE PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4779400<br>EMAIL: penangkarate@gmail.com | **PERSATUAN TINJU AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4574002<br>EMAIL: scarujunan@usm.gov |
| **PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4991141<br>EMAIL: girlietan123@hotmail.com | **PERSATUAN WOODBALL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4558110<br>EMAIL: woodballpenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN KRIKET PULAU PINANG**<br>NO TEL: 018-4668445<br>EMAIL: devvakumar@gmail.com | **PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN WUSHU, TARIAN SINGA DAN NAGA NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-3219392<br>EMAIL: tayleongseng@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWAN PEDANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4823255<br>EMAIL: pjlim_2000@yahoo.com | **PERSATUAN AIKIDO NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-5220684<br>EMAIL: arrowind.joshua@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN BOWLS NEGERI PULAU PINANG (2020)**<br>NO TEL: 019-4719514<br>EMAIL: zanzuri.hashim@mbsp.gov.my | **PERSATUAN MENDAYUNG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4656961<br>EMAIL : kbkhoo1351@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN TENIS PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4465810<br>EMAIL: paullimht@hotmail.com | **PERSATUAN MENDAKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 017-4790719<br>EMAIL : penangclimbing@gmail.com |

# INFO SUKAN : BINA BADAN

**BINA BADAN** adalah salah satu aktiviti yang sihat kepada sesiapa yang melakukannya. Secara saintifik senaman rintangan (bebanan), bukan sahaja memberi hasil penukaran positif kepada fisiologikal tetapi juga boleh membantu fungsi rangsangan hidup dimasa hadapan.Terutama sekali kebaikan memajukan penampilan diri dalam dunia kecergasan.

Sukan Bina Badan adalah sangat popular dan berterusan hingga sekarang. Dalam sukan bina badan, peserta akan mempamerkan bentuk badan mereka yang berotot kepada pengadil.

Pada mulanya sukan ini hanya dipelopori oleh kaum lelaki, namun pada tahun 1980an, kini sukan Bina Badan juga diminati oleh kaum wanita tetapi bentuk badan lelaki dan wanita adalah berbeza.

Sukan Bina Badan tidak boleh disalah ertikan sebagai sukan Angkat Berat , Strongman atau Powerlifting. Ketiga-tiga jenis sukan ini mengutamakan kekuatan individu tetapi bina badan lebih menumpukan perhatian kepada penjagaan dan nilai estetik bentuk badan seseorang. Dalam bina badan, bentuk dan saiz adalah lebih penting daripada bebanan yang mampu diangkat.

Sekiranya senaman Bina Badan dilakukan secara betul dan bersistematik maka boleh membantu seseorang menjadi kuat, mempunyai fleksibiliti ( kelembutan otot) , memperbaiki kondisi kardiovaskular (jantung) dan menukar lemak kepada otot. Memberi keputusan kepada kadar metabolisma yang tinggi dimana boleh membantu pengurangan tahap lemak badan, tekanan darah tinggi berkurangan ,tahap kolesterol rendah dan meningkatkan gaya hidup lebih cemerlang serta sihat dan cergas lebih positif kepada imej kendiri.



**PERSATUAN BINA BADAN PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4707882
EMAIL: bodysifu@gmail.com / shukri.sunworld@gmail.com

# "KETIKA LATIHAN SUKAN BERSEMUKA DIBENARKAN"

## FLOORBALL

**ATLET FLOORBALL** dapat menarik nafas lega kerana dapat kembali menjalani latihan mengikut fasa setelah kelonggaran bagi sektor sukan dan rekreasi diumumkan. Sejurus pengumuman dilakukan, pihak Persatuan Floorball Negeri Pulau Pinang telah memohon kebenaran dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menggunakan kemudahan sukan bagi tujuan mengadakan latihan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Kelab-kelab Floorball yang berada dibawah naungan persatuan negeri telah diberi kebenaran oleh pihak persatuan untuk kembali menjalankan latihan. Bagi memastikan kelab-kelab tersebut mematuhi SOP, jurulatih dan pengurus pasukan telah diberi peringatan dan pendedahan mengenai SOP yang perlu dipatuhi seperti mematuhi had bilangan atlet di dalam dewan, membuat imbasan kod QR melalui aplikasi MySejahtera. Latihan Floorball telah berjaya dilaksanakan bertempat di Kompleks Pasar Awam Padang Tembak dan Tapak Pesta, Sungai Nibong. Ternyata kegembiraan jelas terpancar pada wajah para atlet kerana dapat kembali beraksi dalam gelanggang setelah lama menjalani latihan secara individu di sekitar kawasan perumahan masing-masing, Pihak kelab telah memulakan latihan fasa pertama dengan menjalankan latihan fizikal bagi meningkatkan tahap kecerdasan atlet dan latihan kemahiran teknikal untuk mengasah semula teknik setelah lama tidak dapat berlatih dalam gelanggang. Justeru itu, pihak persatuan negeri amat berharap dapat menganjurkan Kejohanan Floorball mengikut SOP dengan selamat pada bulan Mei nanti. Hal ini sudah tentu dapat membakar semangat para atlet untuk terus berlatih bagi menghadapi kejohanan yang bakal tiba.

"ATLET DIBENARKAN TERUSKAN LATIHAN BERSEMUKA KETIKA PKPB, MENGIKUT SOP SEBELUM 10 MEI 2021"





## PETANQUE

**"Latihan bersemuka** amat diperlukan dan banyak kebaikan serta peningkatan kemahiran skill, teknikal dan taktikal kepada semua atlet. Kelemahan dapat dipelajari dan diperbetulkan serta merta. Kesungguhan semangat berlatih juga berbeza semasa latihan jarak jauh antara atlet dan jurulatih semasa tempoh PKP 2.0", kata En Nasir Bin Mohd Noor – Jurulatih Pasukan Petanque Negeri Pulau Pinang semasa bertemu beliau di Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Titi Mukim , Seberang Perai Utara.

Pasukan Petanque Negeri Pulau Pinang juga diantara sukan yang seringkali menyumbang pingat di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA).







## TINJU

**TINJU** adalah salah satu sukan kombat yang sering kali menyumbangkan pingat untuk Pulau Pinang di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA). Pasukan Tinju Pulau Pinang ini telah dilatih oleh Ketua Jurulatih iaitu Jhonny Kasiran yang berpusat di Gelanggang Tinju Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Batu Uban dengan bantuan beberapa orang pembantu jurulatih negeri serta jurulatih program pelapis. Selain gelanggang di Batu Uban, pihak MSNPP turut mempunyai sebuah lagi pusat latihan bertempat di Kompleks Sukan Titi Mukim yang memberi tumpu kepada penyediaan atlet di Seberang Perai.

Menurut Ketua Jurulatih iaitu beliau amat terkesan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0) diumumkan, kerana pada pendapat beliau prestasi atlet akan menurun sepanjang PKP.

"Saya menghembuskan nafas lega, setelah kerajaan mengumumkan atlet dibenarkan menjalani latihan bersemuka, setelah menilai prestasi fizikal, taktikal serta teknikal atlet pada hari pertama latihan, saya mendapati rata-rata atlet menunjukkan prestasi menurun dan saya perlu memperbaiki-nya semula dengan mengadakan latihan yang lebih teratur." kata Ketua Jurulatih Tinju Pulau Pinang itu.



Ketua Jurulatih Tinju Pulau Pinang - En Jhonny Kasiran

# Daging arnab bukan makanan mahal - Muhammad Fadhil

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PENTERNAKAN** arnab khususnya arnab pedaging di Pulau Pinang dilihat semakin popular dan permintaan terhadap makanan protein tersebut juga mula meningkat.

Walau bagaimanapun, secara umumnya penternakan arnab pedaging secara komersial masih lagi kurang diusahakan berbanding haiwan ruminan lain seperti lembu, kambing dan lain-lain.

Hal ini mungkin disebabkan arnab dianggap sebagai haiwan lincah dan comel sehingga manusia tidak sanggup untuk menjadikannya sebagai sumber makanan protein yang berkhasiat.

Bagi yang tidak tahu, di sebalik kelincahannya sebagai haiwan belaan, haiwan berkaitan sebenarnya mempunyai potensi besar untuk dikembangkan menjadi sebuah industri penternakan arnab pedaging yang dapat menjana keuntungan.

**MUHAMMAD FADHIL MOHAMAD**, 29, antara individu yang berani menongkah arus dengan mengusahakan perternakan arnab pedaging secara komersial kerana keyakinan tinggi terhadap industri berkenaan yang dilihat mampu memberikan pulangan lumayan.

Anak muda kelahiran Pulau Pinang tersebut pada awalnya bekerja di sebuah kilang, sebelum mengambil keputusan untuk menceburkan diri dalam industri penternakan arnab secara serius pada Februari 2020.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Muhammad Fadhil memberitahu bahawa lebih setahun lalu, beliau sanggup menunggang motosikal sendirian ke Kelantan semata-mata untuk mendalami ilmu berkaitan penternakan arnab.

Selain itu menurutnya, beliau juga pernah mengikuti kursus sama di Selangor serta mempelajari mengenai selok-belok penternakan arnab dengan beberapa profesional serta penternak lain yang telah berjaya.

"Pada mulanya, saya hanya membela 12 ekor arnab baka *New Zealand White* iaitu 10 ekor betina dan jantan (2) selepas menyiapkan kandang di belakang rumah dengan kos sebanyak RM10,000 menggunakan modal sendiri.

"Selepas itu, saya cuba biakkan arnab-arnab ini meliputi tempoh masa tertentu dan apabila masuk bulan ketiga ia telah membiak dengan sihat.

"Alhamdulillah, arnab yang saya bela kini semakin membiak dan jumlahnya melebihi 200 ekor yang mana telah berjaya dijual di pasaran dalam bentuk daging perap serta sejuk beku," katanya ketika ditemui di kediamannya dekat Kampung Paya Keladi, Seberang Perai Utara (SPU) pada 18 Mac lalu.

Muhammad Fadhil dalam pada itu turut memberitahu bahawa tempoh matang bagi seekor arnab yang sesuai untuk disembelih adalah dalam masa tiga bulan atau apabila beratnya telah mencecah dua kilogram (kg).

"Apabila berat arnab mencapai dua kilogram, ia perlu disembelih untuk mendapatkan daging yang elok, dan sekiranya kita kurangkan hari (sembelih) ia akan memberi kesan kepada keadaan daging.

"Walau bagaimanapun, apabila cukup tempoh 90 hari, kita perlu sembelih arnab ini kerana jika dibiarkan lebih lama ia akan memakan lebih banyak kos terutamanya daripada segi bekalan makanan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, arnab yang disembelih akan dijual kepada pelanggan sama ada dalam bentuk daging segar, daging sejuk beku dan juga daging perap.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa daging perap yang dijual adalah bersama dengan sos segera di bawah jenama Bambam Frozen untuk mengoptimumkan lagi perniagaan ternakan arnab yang diusahakan.

"Dalam tempoh seminggu, saya berjaya menjual minimum 20 ekor arnab dan sekiranya permintaan terlalu tinggi, saya terpaksa mengambil bekalan daging arnab tambahan daripada pembekal dari luar Pulau Pinang.

"Daging arnab sejuk beku seberat sekilogram dijual dengan harga sekitar RM35, dan produk ini dipasarkan di sekitar Pulau Pinang serta selatan Kedah dengan sokongan daripada 11 ejen jualan.

"Bagi arnab perap pula, secara purata saya mampu menghasilkan kira-kira 50 paket sehari dan jumlah tersebut adalah bergantung kepada permintaan semasa.

"Daripada segi jualan pula, paling tinggi yang pernah saya capai setakat ini adalah sebanyak 30 paket dalam tempoh masa tiga hari  selain mendapat permintaan daripada beberapa pelanggan tetap," ulasnya yang juga bertugas sebagai penyampai radio sambilan di MutiaraFM.

Ditanya mengenai keadaan perniagaan beliau pada masa pandemik COVID-19, Muhammad Fadhil memberitahu bahawa cabaran utama adalah peningkatan ketara harga bekalan makanan dedak selain stoknya yang terhad.

"Jika sebelum ini harga dedak boleh didapati dengan harga RM12 sekilogram tetapi kala pandemik ini harganya mencecah RM17.

"Tambahan pula, seekor arnab secara puratanya memerlukan makanan sehingga 100 gram sehari dan saya terpaksa menyediakan sehingga lebih 500kg dedak dalam tempoh sebulan," jelasnya.

Mengulas mengenai perancangan masa depan perniagaan yang diusahakan itu, Muhammad Fadhil memberitahu bahawa beliau sedang merancang untuk mempelbagaikan lagi produk jualan seperti sate dan bebola arnab sejuk beku.

"Selain itu, impian saya adalah untuk membuka sebuah kedai khusus untuk memproses arnab tetapi buat masa ini masih terdapat kekangan daripada segi lokasi premis.

"Saya juga menyasarkan untuk mengeluarkan sebanyak mungkin daging arnab supaya ia dapat menjadi sumber makanan bukan sahaja untuk golongan berpendapatan sederhana (M40) tetapi juga mampu dinikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah (B40).

"Kalau boleh saya juga mahu menghapuskan stigma dalam kalangan masyarakat kita yang menganggap daging arnab sebagai makanan yang mahal dan sukar untuk didapati," ujarnya.



**KEPUTIHAN arnab baka *New Zealand White* menjadi salah satu keunikannya.**



**MUHAMMAD Fadhil Mohamad menunjukkan daging perap yang dijual bawah jenama Bambam Frozen.**

### Daftar Premis Anda di Laman Web FoSIM yang Baru!

Semua premis makanan **WAJIB BERDAFTAR** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui  laman web **FoSIM** yang **BARU** iaitu *https://fosim.moh.gov.my*.

Laman web sebelum ini iaitu *http://fosimdomestic.moh.gov.my/* sudah tidak lagi boleh diakses.

Kepada semua pengusaha premis makanan yang telah berdaftar, anda diingatkan supaya mengaktifkan akaun **FoSIM** terkini anda bagi mengelakkan sebarang masalah.

Kepada pengusaha premis makanan yang masih belum berdaftar, anda boleh terus melayari laman web **FoSIM** yang terkini iaitu *https://fosim.moh.gov.my*

Premis makanan boleh didaftarkan mengikut kategori berikut :-

**P1** –  Premis makanan yang terlibat dengan pengilangan makanan.

**P2** – Premis makanan yang terlibat dalam katering atau katering makanan besar- besaran.

**P3** – Premis di mana makanan disedia, diproses, disimpan dan dihidangkan untuk jualan.

Contoh: Kedai Makan/Restoran/Gerai/Dapur Asrama/Kantin Sekolah/Dapur Hotel/ Makanan Sediaan di Rumah *(Home Based Food)*

**P4** – Semua kenderaan yang makanan sedia dimakan dijual. Contoh: *Food Truck*.



# Bot gentian kaca penuhi permintaan utara Semenanjung

**SIAPA** sangka di Pulau Pinang sebenarnya terdapat industri pembuatan bot berasaskan gentian kaca persendirian yang terletak di tebing Sungai Kerian dekat Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan (SPS).

*Master Craft Boat Builder* milik **JEREMY CHAN** antara syarikat yang telah berkecimpung dalam industri pembuatan bot berasaskan gentian kaca tersebut sejak 33 tahun lalu.


JEREMY Chan.

Dengan bantuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK**, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan membuat liputan khas di premis tersebut pada 15 April lalu.

